

23/04/1997

Sultan tidak campur tangan: Mahathir (HL)

M Thillinadan; Rasid Rahaman

BUTTERWORTH, Selasa - Sultan Selangor tidak campurtangan dalam urusan pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Sultan Selangor juga tidak menolak senarai calon yang dipilihnya seperti dilaporkan dalam akhbar hari ini kerana tidak ada senarai seumpamanya dikemukakan semalam.

"Malah beliau (Sultan Selangor) sedang menunggu calon pilihan saya (untuk jawatan Menteri Besar)," katanya ketika ditanya sama ada Sultan Selangor campur tangan dalam urusan pelantikan itu.

Memberitahu sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini selepas lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang, petang ini, Dr Mahathir berkata:

"Sultan juga berkata kami boleh mengambil masa dua minggu atau lebih sebelum calon yang sesuai dipilih sebelum diperkenan kepada beliau."

Turut serta dalam sidang akhbar itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; dan Timbalannya, Datuk Mohd Shariff Omar.

Kebanyakan akhbar hari ini melaporkan, pelantikan Menteri Besar baru Selangor, yang dijangka diumumkan semalam, tidak menjadi kenyataan kerana belum mendapat perkenan Sultan.

Dengan memetik Sultan Selangor sendiri selepas beliau dikunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, akhbar melaporkan Sultan tidak bersetuju dengan senarai calon Menteri Besar yang dikemukakan oleh Perdana Menteri.

Menjawab soalan sama ada Sultan Selangor mempunyai calon pilihannya sendiri berdasarkan syarat yang ditetapkannya, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada Sultan mempunyai calon pilihan sendiri.

"Sultan tidak memaklumpkannya kepada saya. Saya tak tahu apa maksud Sultan tidak berkenan seperti dilaporkan. Saya tak tahu apa dia cakap dengan wartawan, tapi dengan saya dia tak kata apa pun.

"Saya tidak ada senarai calon. Bagaimana saya nak beri dia senarai. Saya rasa kamu semua salah dengar (daripada Sultan)," kata Perdana Menteri.

Mengenai kriteria yang digunakannya ketika melantik Tan Sri Muhammad Muhd Taib sebagai Menteri Besar Selangor pada 1986, Dr Mahathir berkata:

"Dulu ketika dilantik dia bersih tetapi manusia tidak selalu bersih. Itu tidak bermaksud saya dakwa dia tak bersih sekarang. Tapi kini dia terbabit dalam skandal dan kita tak bolehlah cemarkan nama baik Umno".

Dr Mahathir juga berkata, terpulang kepadanya untuk menentukan kriteria pelantikan Menteri Besar baru dan beliau tidak perlu membincangkannya dengan media.

Di KLANG, Istana Alam Shah menjelaskan, soal Sultan Selangor tidak berkenan dengan calon Menteri Besar Selangor yang baru tidak timbul kerana Dr Mahathir belum mengemukakan senarai nama mereka kepadanya.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Mohd Munir Bani berkata, apa yang berlaku dalam pertemuan sultan dengan Perdana Menteri semalam ialah perbincangan untuk mencari calon Menteri Besar paling sesuai.

"Perdana Menteri akan mengkaji latar belakang calon dan setelah mendapat calon yang sesuai, akan disebarkan kepada Sultan Selangor untuk perkenan," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Munir berkata, Sultan Selangor juga amat kesal dengan kenyataan tokoh politik yang menimbulkan isu pelantikan menteri besar baru dan isu kedudukan sultan serta kuasa sultan dalam pelantikan menteri besar.

"Kenyataan yang dibuat nampaknya kurang berasas dan boleh menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat dan raja. Sepatutnya sebagai seorang pemimpin, sebelum membuat kenyataan perlu menyasat perkara sebenar terlebih dulu," katanya.

(END)